

01/04/2001

Wakil rakyat BN diarah kerap `turun padang'

Kadir Dikoh; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) diarah kerap `turun padang' bagi mengenal pasti masalah kemiskinan rakyat dan pada masa yang sama, mengamalkan sikap "bersatu hati" menghadapi isu bersama, bukan dibiarkan kepada sesebuah parti menanganinya.

Bagi tujuan itu, mulai sekarang semua 14 parti komponen BN dikehendaki menumpukan sepenuh perhatian kepada keperluan rakyat khususnya golongan miskin di bandar dan luar bandar serta meningkatkan hubungan dengan kerap membuat lawatan dan menemui penduduk.

Ini adalah antara hasil mesyuarat khas Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selama kira-kira tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Bercakap dalam sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata mesyuarat itu membincangkan dengan panjang lebar mengenai keadaan politik dan ekonomi semasa dalam negara.

"Daripada perbincangan ini nampak jelas semua parti komponen, mahu supaya BN sekarang berfungsi lebih sebagai sebuah parti dalam menghadapi cabaran bersama dan tidak mengutamakan parti masing-masing saja tetapi mengutamakan BN.

"Kita akan menumpukan perhatian kepada keperluan rakyat khususnya golongan miskin di bandar dan luar bandar dan kita akan meningkatkan kegiatan atau hubungan selaku wakil rakyat BN dengan rakyat, mengadakan lawatan yang lebih kerap untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh rakyat dan cuba menyelesaikannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk mencapai matlamat itu, Dewan Tertinggi BN akan mengadakan mesyuarat lebih kerap, berbanding cuma dua kali setahun sekarang ini, selain bercadang untuk mengadakan ibu pejabat BN sendiri di Kuala Lumpur yang dilengkapi kemudahan sesuai.

Beliau menjelaskan, apa yang berlaku selama ini ialah kadangkala wakil rakyat BN cuma memberi tumpuan misalnya mengenai masalah setinggan serta kemiskinan di kawasan sendiri saja.

"Ini perlu dipertingkatkan lagi. Kadang-kadang kita tumpu kepada kawasan kita saja, tak ke kawasan lain. Ada juga (kawasan lain) yang tidak diberi perhatian, kita perlu turun ke padanglah, perlu tengok sendiri.

"Walaupun kita dengar berkenaan dengan setinggan, kita tahu masalah setinggan ... jadi kadang-kadang kita tak turun, pi (pergi) tengok. Bila kita tengok, baru kita tahu," katanya.

Diminta menjelas lanjut mengenai BN sebagai sebuah "parti", beliau berkata setakat ini, gabungan itu kelihatan bertindak melalui parti komponen secara sendirian.

Sebaliknya kata beliau, tindakan bersama cuma kelihatan sewaktu mengadakan pilihan raya apabila menentukan siapa yang akan bertanding dan di kawasan pilihan raya mana, dan kemudian BN akan memberi sokongan kepada calon itu.

"Tetapi sekarang, apa yang kita mahu lakukan ialah, jika ada sebarang masalah, kita akan lihat daripada sudut BN, yang bermakna kita perlu mempunyai pendirian bersama dalam kebanyakan isu... oleh itu kita boleh hadapi dan selesaikan isu itu sebagai masalah BN, tidak sebagai masalah satu-satu parti," katanya.

Ditanya sama ada kerjasama di kalangan parti komponen BN agak longgar terutama dalam menghadapi isu sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah kerana ada anggotanya bagikan mahu memperjuangkan kepentingan parti

daripada kepentingan BN, Dr Mahathir berkata biasanya akan sentiasa ada beberapa anggota yang tidak bersetuju dengan keputusan BN.

"Di dalam sebuah parti pun, contohnya Umno ... Umno memutuskan sesuatu tetapi akan ada ahli Umno yang tidak bersetuju, itu biasa. Tetapi apa yang penting ialah kita di kalangan parti-parti komponen bersetuju.

"Parti komponen ini ada wakil dalam BN untuk dibuat rujukan, mereka bersetuju terhadap apa yang diputuskan oleh BN. Terpulang kepada mereka (pemimpin atasan parti) untuk meyakinkan ahli mereka di dalam parti komponen masing-masing. Tetapi seperti biasa, memang ada yang tidak setuju," katanya.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat itu tidak membincangkan persiapan pilihan raya Sarawak yang perlu diadakan sebelum 18 November ini.

Sementara itu, beliau berkata BN merancang mengadakan ibu pejabat sendiri di Kuala Lumpur. Ia sekarang mempunyai pejabat di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Selain itu, katanya, BN akan mengadakan konvensyen yang bertemakan "BN Tunggak Keutuhan Negara" di PWTC pada 7 Julai ini. Kira-kira 3,000 ahli parti dijangka menghadiri konvensyen itu.

(END)